

17/01/1997

Telekom siasat dakwaan penyelewengan

KUALA LUMPUR, Khamis - Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) berjanji akan menjalankan siasatan menyeluruh terhadap dakwaan penyelewengan pemberian tender yang diberikannya kepada Ericsson.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Mohamed Said Mohamed, yang sedang mengikuti rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempromosikan Multimedia Super Koridor di Amerika Syarikat mengesahkan sudah dimaklumkan mengenai perkara itu.

"Saya diberitahu mengenai isu ini oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum berlepas mengikut rombongan Perdana Menteri itu. Sebaik sahaja diberitahu, Telekom Malaysia mengambil tindakan menjalankan siasatan penuh atas dakwaan ini."

"Kami tidak dapat memastikan bila laporan ini akan diserahkan kerana pada masa ini kami tidak mempunyai fakta yang cukup mengenai perkara ini. Tetapi adalah menjadi keutamaan Telekom Malaysia untuk menyelesaikan isu ini secepat mungkin," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan di sini hari ini.

Mohamed Said, berkata, ia adalah satu dakwaan yang serius terhadap Telekom Malaysia dan akan melakukan segala-galanya untuk mendapatkan maklumat yang betul.

"Kami di Telekom Malaysia sentiasa mengikut semua tatacara yang ditetapkan berkaitan penerimaan, pertimbangan dan penawaran tender," katanya.

Bagaimanapun, seorang jurucakap dari sebuah syarikat telekomunikasi antarabangsa yang lain di Kuala Lumpur ketika diminta mengulas menyatakan sebarang penawaran tender atau kontrak hendak dibuat berdasarkan merit dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

(END)